




Pergi Tanpa Alasan

Hani Fazuha

Download now

Read Online ➔

Pergi Tanpa Alasan

Hani Fazuha

Pergi Tanpa Alasan Hani Fazuha

Rihana dan Hakim, dua nama dari dua dunia berbeza, ditemukan dalam kancah penuh dosa. Bagi Hakim, Rihana itu tidak ubah seperti pelacur kelas atasan. Bagi Rihana, Hakim itu sama saja dengan lelaki kaya raya yang harus dilayan untuk mengeluarkan duit dari poketnya.

“Kahwin dengan I Rin, I’ll pay you two million.” - Hakim

“Dua juta tidak cukup untuk membeli maruah I, Hakim”- Rihana

Segalanya berubah apabila Rihana bertemu hidayah-Nya dan meninggalkan dunia kelam untuk berubah ke arah kebaikan. Hakim jadi panasaran mencari Rihana yang hilang.

Bertemu kembali setelah enam bulan berlalu dan melihat Rihana yang ‘baru’, Hakim jadi sedar yang dia mahukan Rihana bukan kerana nafsu tetapi kerana rasa yang satu itu sudah meresap meracuni hatinya.

Namun, melihat Rihana makin rapat dengan Ridzwan, jutawan muda yang tidak kurang kacaknya buatkan Hakim rasa tergugat. Biar pun Ridzwan itu teman baiknya, tidak bermakna Rihana juga harus menjadi teman baik lelaki itu.

Bijaknya Hakim memerangkap telah mengikat Rihana dalam sebuah perkahwinan yang sangat rumit. Kerana Hakim itu sudah menjadi tunangan Nelly, Rihana harus menjadi isteri secara sembunyi. Namun, apa akan jadi bila kisah silam Rihana dibongkar dan dikorek hingga ke akar umbi?

“Hakim, I rasa macam tak layak untuk you.”- Rihana

“Walau I harus mati kerana memilih you, I tetap akan pilih you.” Hakim

Kalau mati pun dia sanggup untuk Rihana, apalah sangat jika dia harus kehilangan seluruh hartanya demi wanita itu.

Mampukah perkahwinan mereka bertahan bila hidup diuji kesusahan? Sanggupkah Hakim melepaskan Rihana ke tangan Ridzwan demi merungkai segala kerumitan?

~ Rin... your love is the only thing keeping me alive ~ Hakim

Pergi Tanpa Alasan Details

Date : Published July 2013 by Idea Kreatif Publication

ISBN :

Author : Hani Fazuha

Format : Mass Market Paperback 500 pages

Genre : Novels

 [Download Pergi Tanpa Alasan ...pdf](#)

 [Read Online Pergi Tanpa Alasan ...pdf](#)

Download and Read Free Online Pergi Tanpa Alasan Hani Fazuha

From Reader Review Pergi Tanpa Alasan for online ebook

Tie Tinie says

done this book...

so sweet... Hakim yg sweet...

hoh... sungguh cair bila baca buku nie...

kisah seorang yg bernama hakim... sanggup melakukan apa saya untuk mendapatkan kekasih hati...

rihana...nekad untuk memperisterikan rihana tanpa pengetahuan keluarga.. kerana hakim harus berkahwin denga nelly atas kemahuan mama & papanya... yang pastinya tiada siapa yang pergi tanpa alasan...

u guys... sila baca buku nie...

membaca dgn hati... menilai dgn akal....

happy reading...

S says

dlm satu hari saja saya habiskan naskah ini... kisah yang mudah utk dihadap walaupun mainan perasaannya meruntum hati.

Saya memang mengikuti tulisan kak Hani dari Alaf21 hingga sekarang. Jelas, naskah ini jauh lari dari hasil2 sebelumnya.. tahniah kak Hani!

Kisah Hakim & Rihana.

Rihana, gadis yang sudah jauh terpesong dari norma kehidupan hingga sanggup menggadai maruah demi kesenangan hidup. Lalu, terombang dia dalam dunia yang penuh dengan kepalsuan bertemankan lelaki2 yang sanggup menabur wang berjuta hanya utk keseronokan tanpa memikirkan dosa! Namun, Allah itu maha Penyayang pada hambaNya. Hanya kerana kejadian itu, Rinn melihat kembali kedalam diri, apakah ini yg dicari walaupun hati sudah terpaut pada sidia.

Hakim, hidup dlm kesenangan itu melalaikannya hingga tenggelam dalam keduniaannya. padanya ada wang semua boleh dibeli termasuk wanita. Namun perasaan dan hati tidak dapat dibohongi tatkala terpandang wajah yang satu itu. Nanar seketika bila sang pujaan hati hilang tanpa khabar malah alasan!

Pertemuan yang tak terduga itu nyata ada dua persepsi dari dua insan yang berbeza. Bagaimana penerimaan itu terpulang pada individu itu sendiri. Hakim jelas gembira dengan pertemuan semula dgn Rinn. Rindu yang sudah berkepek ini seakan luruh sedikit. Namun, penerimaan Rinn dengan identiti barunya seakan meletakkan jarak antara mereka yg bukan sedikit. malah seakan ternampak dibayangan Hakim, inilah penamatnya.

Apakah Hakim dapat menakhluki hati rinn? apakah jiwa mereka utuh bersatu? Saya ramai yang dah tahu kan? :) jadi tak perlu rasanya saya titipkan terlalu detail. Pada sesiapa yang belum dapatkannya, silalah yer...

Saya amat menyukai kelembutan bahasa kak Hani dalam menggarap cerita. Seakan saya terbuai tatkala menelusuri perasaan kedua-dua watak. Cuma apa yang saya nampak, kini kak Hani lebih terbuka dalam

berkarya. Mungkin akan ada yg kurang menyenangkan... entahlah... Apapun, teruskan berkarya!

Ms. Firda says

Suka cerita hakim dan rihana ni. bila pegang tak boleh letak lansung. PTA yg best!

Kamaliah says

Sebetulnya letih saya membaca buku ini. Hakim kept on making the same mistakes over and over again. To me, what he did to Rihanna "atas nama cinta" is SELFISH! Rihanna punya hati dan perasaan n to be hurt over n over again, I respect her for hanging tough.

Tak suka Hakim yg lemah. Hakim yg tidak pandai memainkan peranan sebagai seorg suami! It's true yang anak lelaki must always, always lebihkan ibu above everything HOWEVER should your mother request u to do something that u know is wrong, then stand up to her laaa... Bukan suruh kurang hajar pun... Just to stand up for what's right je! hish... emo ai.

Now... Rihanna is another story. Ai like Rihanna. Bila datangnya hidayah dari Allah, cukup mudah untuk berubah tetapi untuk kekal berubah, that's where the challenge is! N to me, Rihanna berjaya dalam penghijrahannya. I think that all those flashbacks masa zaman jahiliah dia is a very very nice touch. Some may not like it because to them it might be messy. But to me, klu takde all those flashbacks, the story won't be whole. Rihanna tau her rights and she fought for it!!! unlike Mr U-KNOW-WHO. Sampai dah kena cuci, berus n gertak dgn Ridzwan berkali2 baru nk sedar!!! I especially like masa Rihanna went to see her MIL at the hospital to fight for her right. Nampak kejujuran dia dan kesungguhan dia situ. N I ABSOLUTELY LOVE IT bila Rihanna sepak Nelly. I was cheering for Rihanna like crazy n wishing that dia sepak je si NELLY tu berkali2. ahaks.

I would have given 4 * for this book because the olahan cantik tersusun. bahasa yang membuai rasa. Jalan cerita kemas, ending yang memuaskan hati. Tapi I withdraw satu * strictly because of Hakim's selfishness. He knows about Rihanna's kelemahan n he used that to his advantage.

All in all it is a recomendable book and I like it very much.

P/S: parents! Keep the book away from underage children ye.

Ras says

Kasih Hakim pada Rihana memang tak perlu diragui keihklasannya dan tak perlu diukur berapa banyak nilainya kerana dia sanggup mati untuk Rihana. Sungguhlah seorang pencinta yang setia.

Yang menjadi masalah buat Hakim ialah penerimaan ibunya terhadap Rihana dan kehadiran Nelly yang tidak putus asa mahu dapatkan cintanya. Memang Hakim tersepit antara ibu sendiri dengan isteri yang sangat

dicintai. Dan seringkali bila dia tersilap langkah, hati Rihana akan terluka teruk. Bukan sekali bahkan berkali2 hati Rihana terluka dengan perlakuan Hakim terutamanya apabila lelaki itu terikat dengan situasi yang dia perlu menyebelahi ibunya sendiri daripada Rihana. Berkali2 juga Rihana berputus asa dan mahu mengundur diri tetapi kuatnya pengaruh Hakim dalam hidupnya menjadikan hatinya mudah lembut dengan rayuan kemaafan Hakim terhadap dirinya. Harus bagaimana ya? Nampaknya di akhir cerita, penulis tidak tutup dengan wujudkan perdamaian antara Rihana dan ibu mertuanya.

Namun secara keseluruhan, saya masih berpuas hati dengan buku ini. Menarik di hati dan mampu juga mengganggu gugat emosi saya.

Cik Pah says

Pergi tanpa alasan

Ceritanya mengajar kita supaya berfikir sebelum bertindak. Sungguh , apa sahaja yang kita pilih sekarang akan melakarkan sejarah yang tak mungkin terpadam. Tetapi bagi yang telah menempa kisah silam yang kelam, belum terlambat untuk pulang ke pangkal jalan dan bertaubat. Bukan salah ibu dan ayah dalam mendidik anak-anak. Ada kalanya anak anak terbuai dengan nikmat dunia walaupun ilmu agama penuh didada.

Rihana, gadis cantik yang terbuai dengan nikmat dunia tetapi kembali tersedar apabila dirinya hampir diperkosa. Dunianya dikelilingi lelaki kaya dan disitulah dia menemui Hakim, lelaki yang mengejar dirinya walaupun tahu dirinya dipalit dosa. 6 bulan melarikan diri dari terus bergelumang dosa, Rihana akhirnya berjaya dijejaki Hakim. Hakim terpaksa menggunakan tipu muslihat mengahwini Hana apabila lamarannya ditolak mentah2. (Cukup tak berkenan cara Hakim ni). Rihana takut dia kembali bergelumang dosa dan Hakim bukan lelaki yang mampu membimbingnya.

Apa yang Hakim fikir, hanya ingin memiliki dan menghalalkan hubungannya dengan Hana walaupun dia telah bertunang dengan Nelly, pilihan keluarga. Tanpa memikir risiko, Hakim nekad mengahwini Hana. (Memang patutpun berkahwin, selagi tak kahwin, selagi itu malaikat raqib mencatit dosa. Tangan macam sotong, tak boleh dok diam pabila Hana didepan mata.)

Alam rumahtangga mereka bahagia kerana ternyata kasih Hakim bukan hanya kerana nafsu. Walau bagaimanapun kebahagiaan mereka tergugat apabila hubungan mereka dihidu mama dan papa Hakim. Ibu bapa mana yang dapat menerima menantu bekas pelacur kelas atasan kan! Mereka menjadi pelarian di Pulau Perhentian. Tetapi pabila mama Hakim terlantar sakit, mereka terpaksa pulang. Bermula dari saat itu, hati Hana terluka. Hakim terpaksa memilih antara Hana atau mama. Adakah Hana atau Hakim yang pergi tanpa alasan? Tet! Baca sendiri !

Hajar says

Ini kisah Rihana yang pernah tersasar jauh dari landasan hidup yang sepatutnya. Akibat leka dan alpa dengan nikmat dunia, Rihana lupa dengan segala didikan yang diterapkan oleh kedua ibu bapanya sejak kecil. Kerjaya Rihana sebagai *social escort* (atau dalam bahasa mudahnya *GRO*) memberinya peluang untuk berkenalan dengan lelaki-lelaki berwang yang gemar mencari hiburan di luar termasuklah Hakim. Kemewahan yang ditabur oleh Hakim juga menghanyutkan Rihana. Namun, suatu peristiwa yang nyaris meragut maruah Rihana membawa Rihana menyedari kekhilafan yang sedang dilakukannya.

Bagi Hakim, Rihana bagai ubat bagi segala penyakitnya. Memberi ketenangan walaupun Rihana diibaratkan umpama merpati. Dipanggil merapat tapi bila ditangkap ia melarikan diri. Pertemuan kembali setelah 6 bulan Rihana menghilangkan diri menyedarkan Hakim. Dia mahukan Rihana bukan hanya kerana tuntutan nafsunya semata, tapi kerana rasa yang dah meresap dalam hatinya. Aura Rihana sangat payah untuk dielak walaupun perwatakan Rihana tak sama dengan Rihana yang dikenalnya 6 bulan dulu.

Bermula saat pertemuan kembali dengan Rihana, Hakim bertekad untuk mengikat Rihana menjadi yang halal buatnya. Walaupun Rihana berdegil menolak kehadirannya, Hakim pasti ada cara untuk membuatkan Rihana berkata ya untuk setiap kehendaknya. Termasuklah untuk memaksa Rihana bersetuju untuk mengahwininya. Haish. Hakim..Hakim.. Tak sedar agaknya kehadiran Rihana di sisinya bakal mengundang pelbagai masalah. Lebih-lebih lagi bila Hakim sendiri sebenarnya sudah ditunangkan dengan Nelly, anak kenalan keluarganya.

Berjaya atau tidak mereka mencorakkan rumahtangga mereka tanpa gangguan dan campur tangan kedua ibu bapa Hakim?

Komen saya: Kisah ini memang bertumpu pada kisah Rihana dan Hakim. Bagaimana Rihana ketemu hidayah. Macam mana susahnyanya Rihana nak memadamkan sejarah hitam yang dipalitkan dalam kehidupannya bila bertemu kembali dengan insan-insan daripada kehidupan lampainya dalam perjalanan penghijrahannya. Bagi watak Hakim pula, saya nampak dia agak mementingkan diri bila seboleh mungkin dia mahu memperisterikan Rihana walau tanpa restu kedua ibu bapanya. Heh. Memang bukan hero pilihanlah nampak gayanya. Saya rasa ramai yang menyukai kisah ni kerana elemen manis bergula di dalamnya. :) Sekalung tahniah buat penulis atas kelahiran karya terbaru di bawah penerbitan sendiri. Moga makin banyak karya bermutu yang bakal diterbitkan di bawah label Idea Kreatif. :)

Isma Zahara says

Nanti review ~ 020217

kuzzeen says

~~Naskah untuk dilepaskan; RM14.00. Pm je....~~

Jarang sekali dapat tersenyum usai menutup helaian terakhir naskah yg dibaca. Aku tersenyum untuk PERGI TANPA ALASAN.

(for me) penulis menoktahkan semua kisah pelakunya dengan akhiran yg manis. Walaupun ada babak yg

diplotkan agak di luar jangkaan, tapi masih manis dipandang.

Dan, sejujurnya penulis 'menggenggam' kemas naskah ini. Plot, bahasa, pengisian dan perjalanan watak2nya disusun serapi mungkin. Pembacaan lancar tanpa 'halangan' yg menyesakkan.

Mungkin kerana itu, aku tersenyum dengan rasa Rinn dan Hakim :)

Ririn says

Kisah Rihana dan Hakim

Mereka bertemu dalam suasana yang penuh noda dan dosa. Bila Hakim melanggan Rihana untuk menemaninya. Istimewanya Rihana pada Hakim tak dapat digambarkan dengan kata-kata. Dia sanggup berbuat apa saja demi gadis itu. Rihana, walaupun bekerja sebagai escort di kelab tersebut, menemani lelaki sehingga kadang-kadang ke bilik hotel semata-mata untuk mendapat kemewahan, tetapi masih tegar mempertahankan kesuciannya (yang lain-lain dia 'halalkan' saja).

Peristiwa hampir diperkosa menyedarkan Rihana dan dia mula meninggalkan dunia hitam itu. Cuba membina hidup baru yang lebih baik. Hakim begitu terasa kehilangan Rihana dan tercari-cari di mana gadis itu.

Takdir. Mereka bertemu semula 6 bulan kemudian. Hakim agak terkejut dengan perubahan Rihana yang berbaju kurung dan bertudung. Tidak lagi seksi seperti dulu. Tetapi Rihana tetap kelihatan menawan. Mungkin bertambah menawan.

Hakim sedaya upaya memujuk Rihana untuk kembali padanya. Dia tak dapat melupakan gadis itu walaupun beribu gadis lain yang ditemui. Rihana terlalu istimewa pada dirinya. Rihana pula sedayanya cuba untuk mengelak dari Hakim. Dia sedar, dia cuma gadis biasa yang cuba membina hidup baru, jauh dari dunianya sebelum ini. Lagi pula, Hakim telah bertunang dengan Nelly, seorang model terkenal dan anak Tan Sri. Siapalah dia untuk digandingkan dengan Hakim, anak jutawan yang memiliki segalanya itu.

Hakim tidak mengenal erti putus asa. Pelbagai cara dilakukan untuk memiliki seorang Rihana. Akhirnya impiannya tercapai walaupun terpaksa menggunakan tipu muslihat. Rihana berjaya dinikahi dan menjadi miliknya.

Kehidupan selepas perkahwinan mereka, walaupun ada bahagiannya, tetapi masih banyak liku yang perlu dilalui. Perkahwinan yang terpaksa dirahsiakan menjadikan kehidupan Rihana agak sukar.

Susahnya Rihana nak menemui kebahagiaan bersama Hakim. Tetapi bahagia itu muncul jua akhirnya.

Karya pertama Hani Fazuha yang saya baca. Agak menarik. Penceritaan yang lancar ditambah pula plot dan bahasa yang bersesuaian. Berjaya habiskan dalam masa satu hari (haha...sbb mood tengah baik dan hari cuti pula).

Sejujurnya saya amat menyukai watak Hakim. Keikhlasan cintanya pada Rihana. Sanggup berbuat apa saja untuk memilikinya. Dan dia menghormati Rihana. Walaupun caranya mungkin agak keterlaluan kadang2, tetapi dia tidak mengambil mudah tentang hal tersebut. Berjumpa dengan keluarga Rihana dan menyatakan

hasratnya untuk memperisterikan Rihana (hmm..walaupun menggunakan muslihat utk mendapatkan persetujuan Rihana). Bagi Rihana pula....hmm mengaku jer la jealous..haha. Mana tak jealousnya bila Rihana dikatakan mempunyai kecantikan yang hampir sempurna dan digilai pula oleh lelaki seperti Hakim..

PS - Tapi banyak la part yang nakal2 tu. Kadang- kadang hal ni boleh menjejaskan penghayatan terhadap watak dan penceritaan. Tapi ini cuma pandangan saya. Mungkin saya jer yang rasa macam tu.

Nonie?serenity2bliss says

Announcement before review: N nak jual buku ni for RM8. Pada sesiapa yang berminat, boleh lar PM :)

Cerita ni best sangat sangat! Highly recommended!!!

N sangat suka dengan Hakim dan Rihana. Dorang sangat sesuai. Chemistry antara Hakim dan Rihana memang ada from the start. Ditambah lagi Hakim ni nakal dan takda self control bila dengan Rihana. Walaupun Hakim's obsession pada Rihana pada mulanya, N rasa agak creepy, tapi sebenarnya dia cuma sangat rindukan Rihana yang tiba-tiba menghilangkan diri.

Bertemu semula dengan Rihana yang sudah berubah, Hakim nekad Rihana tak akan dilepaskan lagi. Pelbagai teknik dicuba tapi semuanya tak berjalan. Terpaksalah juga dia menipu kerana itu saja cara untuk mmebuat Rihana bersetuju menjadi isterinya.

Rihana sangkakan perkahwinan mereka mendapat restu keluarga Hakim. tapi hakikatnya tidak. Mereka berkahwin secara rahsia. Status Rihana sebagai isteri terpaksa dirahsiakan kerana Hakim sebenarnya sudah menjadi tunangan orang.

Walaupun perkahwinan mereka tanpa restu, mereka cukup bahagia. Yang penting mereka bersama. Campak sejuta wanita cantik dan kaya sekali pun, Rihana saja yang akan menjadi pilihan Hakim.

As the story moves along, N ragu-ragu sama ada cerita ni ada happy ending atau tidak. Lebih-lebih lagi Hakim suka benar cakap dia sanggup mati demi Rihana. Everytime dia kata , "Kalau mati pun I sanggup..." N dah rasa semacam. Terus teringat cerita *Lili Buat Najah* yang N baca sampai mata lebam.

Novel Annie says

susahny ckp ttg novel ni. sbb mmg best sgt. omg! suami yg sgt penyayang dan romantik. suami yg sntiasa menyayangi, melindungi dan memberi yg tbaik buat isteri. watak Hakim yg sgt romantik,kacak,bersikap pelindung dan mencintai sorg gadis bernama Rihana. Rihana yg hanyut dlm keasyikan dunia tih kembali ke pangkal jln. Hakim ttp mengejar Rihana wlupun Rihana bkn lg Rihana yg suka berpakaian seksi dan terdedah, manja dan senang dipeluk ssuka hati. Rihana yg kini adalah Rihana yg baru dan menutup aurat dgn memakai tudung.

Dyh Usen says

Ceritanya tentang Rihanna-Hakim-Rihanna-Hakim.

Oh. Banyak juga part yang diselak secara laju2. Bulan puasa, makhruh. :p

p/s: Hakim bukan hero yang jenis 'kegemaranku'. kikikikih. Jangan mare ya Hakim ;)

heril azwan says

entah mengapa, kali ini memang mengambil masa yang lama untuk menghabiskan naskhah ini. mungkin, mood membaca saya yang memang kelaut sejak akhir2 ini dek kesebukkan kerja. atau, mungkin sebab tiada element of surprise dalam karya ini, serasa sama seperti karya hani fazuha sebelum ini.

seawal membaca sinopsis, saya menjangkakan keinsafan Rihana menjadi tunjang utama novel ini, bagaimana dia melarikan diri dari kancan noda, jauh dari segalanya dan memulakan hidup baru.

tapi, hanya dibeberapa bab awal2 sahaja diutarakan, selebihnya hubungan hakim-rihanna & konflik2 tipikal yang melanda (orangkaya-gadisgediks- kawih paksa-watsoeva).

mungkin, ini naskhah lama so cerita ini boleh dimaafkan (kot)

olahan, chemistry antara watak2 memang terbaik!

Zairaidah Abu Hassan says

Sebenarnya aku lost dekat mana part yang pergi tanpa alasan tu... Yang aku nampak cuma prasangka dari kedua-dua belah pihak antara Hakim dan Rihana. Kalau Rihana ada sentap atau sedih dengan Hakim dia akan jauhkan diri atau hilang. Hakim pulak kadang-kadang macam geram jugak entah bila dia nak selesaikan hal dia dengan Nelly. Lagi kisah dari golongan hartawan dan berpangkat dimana cintanya terhadap gadis biasa mendapat tentangan dari keluarga.

Hakim dan Rihana yang dulu sama-sama hanyut dengan nikmat dunia yang sementara. Namun berubah untuk hidup yang lebih baik dan diredhai Allah.

Bagi aku ini cuma kisah biasa dan santai. Konflik yang bagi aku nampak simple tapi complicated untuk orang lain. Apa-apa pon saling memahami dan menerima seadanya itu penting dalam setiap perhubungan.
